

09/01/1997

Perihal sekolah dan persekolahan

Manja

PELBAGAI kerenah dan peristiwa berlaku sepanjang penggal pertama persekolahan tahun ini bermula sejak Ahad lalu. Kesesakan jalan raya yang luar biasa di beberapa kawasan perumahan di Lembah Klang; penggal bermula sekolah belum sempurna; ancaman kesatuan guru untuk memboikot sekolah satu sesi dan pengasingan murid cerdik-lemah oleh kebanyakan sekolah adalah antara bahan berita pada awal 1997 yang baru seminggu berlalu.

Sesungguhnya sekolah dan persekolahan tidak dapat lari daripada hidup kita sekarang. Walaupun sudah lama meninggalkan persekolahan, saban awal tahun kita terpaksa juga ke sekolah untuk menghantar anak atau sekurang-kurangnya sekali setahun menghadiri mesyuarat PIBG.

Kalau belum berumahtangga pun, kita mungkin kena memberi sedikit bantuan kepada keluarga di kampung bagi menampung perbelanjaan adik-adik yang bersekolah.

Pendek kata, sepanjang hidup kita, sekolah tidak akan hilang daripada perhatian. Itulah sebabnya sebarang perkara membabitkan sekolah sentiasa menjadi bahan berita.

Kita tidak pelik kalau pelajar sebuah sekolah menengah di Calok, Terengganu terpaksa ditempatkan sementara di dua sekolah lain sehingga sekolah mereka siap. Tetapi jika murid Sekolah Kebangsaan Seafield 2 di USJ4, Subang Jaya, terpaksa mengangkut sendiri kerusi meja pada hari pertama persekolahan, ia agak pelik sedikit. Justeru itu, kita bersetuju benar dengan teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kontraktor yang gagal menyiapkan bangunan sekolah mengikut jadual itu.

Kita percaya masalah kelewatan tidak timbul jika kontraktor yang diberi kerja itu benar-benar berwibawa dan melaksanakannya sendiri. Apa yang kita tahu, kebanyakan kontraktor yang mendapat tender, sama ada bagi projek awam atau swasta, menyerahkan kepada orang lain untuk menyiapkannya. Sub-kontraktor yang menerima kerja itu akan melengah-lengahkan kerja mereka apabila lewat menerima bayaran daripada kontraktor. Alasan kontraktor pula ialah mereka lambat menerima cek. Kita tidak tahu siapa yang salah dalam perkara ini tetapi yang pasti, cerita sebegini hampir sama usianya dengan tarikh kemerdekaan negara.

Barangkali kerana masalah ini jugalah menyebabkan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) membantah pelaksanaan konsep persekolahan satu sesi sebelum tarikh sebenar ia dikuatkuasakan, 9 Jun depan. Walaupun Kementerian Pendidikan menegaskan konsep sekolah satu sesi hanya mula dilaksanakan pada tarikh itu, KPPK mendakwa lebih 20 sekolah di seluruh negara sudah melaksanakan sekolah satu sesi. Kita memang bersetuju semua sekolah diadakan satu sesi kerana ia memberi peluang kepada anak-anak untuk belajar agama atau melakukan kegiatan lain serentak.

Kedudukan abang belajar sekolah kebangsaan pada waktu pagi dan agama sebelah petang dan adiknya pula sebaliknya, boleh menjarakkan hubungan mereka. Sedangkan ketika peringkat usia itulah, mereka sepatutnya membesar bersama. Bagaimanapun, dengan masalah sekolah lambat siap dan tidak cukup kerusi meja sekarang, kita khuatir sama ada konsep itu boleh dilaksanakan dengan berkesan dalam waktu terdekat ini.

Kebimbangan ibu bapa yang anak-anak mereka agak lemah dalam pelajaran diasingkan dengan murid cerdik, terbukti berlaku apabila beberapa sekolah dikesan berbuat demikian. Keghairahan guru-guru besar untuk memastikan prestasi sekolah mereka dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah ternyata

memesongkan mereka daripada janji untuk membantu dasar Kementerian Pendidikan mendemokrasikan bidang pendidikan di negara ini.

Kita menyanjung semangat guru besar untuk mencapai kecemerlangan tetapi ia biarlah benar-benar menggambarkan keupayaan murid secara keseluruhan. Mungkin kerana semangat itu juga, berat beg anak-anak kita hampir tidak berubah - antara 2 kilogram (kg) hingga 5 kg - walaupun ia pernah menjadi isu tidak lama dulu.

Ketika zaman kita bersekolah dahulu, walaupun beg tidak ringan, ia tidak seberat sekarang. Guru pula, yang berpengalaman dan agak bengkung biasanya ditugaskan mengajar kelas mundur, bukan sebaliknya. Dengan itu, pencapaian antara murid cerdik dan lemah agak seimbang dengan jurang berbezaan keduanya tidak begitu jauh.

Satu lagi perkara yang turut menarik perhatian kita berhubung persekolahan kali ini ialah kesesakan walaupun gejala ini pada minggu pertama persekolahan bermula memang sudah menjadi lumrah warga kota.

Bagaimanapun kesesakan di beberapa kawasan di ibu kota sepanjang minggu ini agak luar biasa.

Barangkali rungutan beberapa pihak bahawa penamatan perkhidmatan sebahagian besar bas mini turut menjadi punca kesesakan, ada benarnya. Begitupun, syarikat bas Intrakota percaya kesesakan lalu lintas menjadi faktor utama pihaknya gagal menyediakan perkhidmatan sempurna, bukan sebaliknya.

Akhir sekali, kita mengucapkan takziah kepada ibu bapa dan keluarga Mardiana Mampuse, pelajar tahun satu yang mati digilis bas sekolah di Lembah Jaya Selatan, Ampang petang kelmarin. Kita semua dapat bayangkan perasaan jika kanak-kanak malang itu anak kita sendiri. Malang memang tidak berbau. Semoga tragedi sedih itu menjadi pengajaran kepada semua pihak - pemandu bas, pihak sekolah, ibu bapa dan murid-murid sendiri - supaya lebih berhati-hati terutama dalam perjalanan pergi balik sekolah. Selamat bersekolah.

(END)